



LINTEC
LAPORAN CSR 2018



Linking your dreams

LINTEC Corporation

Moto Syarikat

Keikhlasan dan Kreativiti

Moto syarikat Kumpulan LINTEC yang merupakan asas kepada CSR ialah 'Keikhlasan dan Kreativiti'. Bagi kami, nilai-nilai ialah, "Keadaan yang harus ada".

"Keikhlasan" bererti memikirkan apa yang dapat dilakukan yang boleh menguntungkan dan dihargai, dengan menjalankan setiap tugas dengan sepenuh hati.

"Kreativiti" bererti sentiasa bekerja demi membuat pembaharuan dan menjadikannya lebih baik lagi dengan mencari nilai tambahan yang lebih besar tanpa berasa puas hati dengan status quo (keadaan seadanya).

Bersikap tulus terhadap semua pemegang syer dan bertindak menghadapi cabaran-cabaran baru berulang kali dengan tekad untuk membuat pembaharuan merupakan detik permulaan bagi syarikat berteraskan "monozukuri".

Segalanya bermula dengan "keikhlasan" yang kemudiannya berkait dengan "kreativiti".

Demikian ialah pegangan LINTEC kekal utuh yang menjadi daya penggerak yang menguatkan pertumbuhan berterusan.

LINTEC WAY

Nilai penting pendukung moto syarikat

5 cara memupuk Keikhlasan


- 1 Sentiasa bersikap jujur
- 2 Ketulusan penghubung hati
- 3 Bersama mencipta kegembiraan
- 4 Menjadi orang yang memberi
- 5 Menghargai keluarga dan rakan

5 cara memupuk Kreativiti

- 1 Kekal tabah hingga berjaya
- 2 Berbangga dengan keunikan
- 3 Fleksibel dengan perubahan
- 4 Berfikir dari sudut pandangan bumi
- 5 Mengaitkan dengan segala kemungkinan

Rangkaian global yang menyokong kegiatan


Semua pekerja Kumpulan LINTEC menjalankan pelbagai kegiatan CSR sebagai respons kepada suara para pemegang kepentingan dan untuk merealisasikan syarikat yang lebih baik.



Apakah itu Kumpulan LINTEC?

Bagi merealisasikan moto syarikat 'keikhlasan dan kreativiti', Kumpulan LINTEC sedang memajukan empat teknologi asas dengan berasaskan "LINTEC WAY" dan "Garis Panduan Pematuhan Kumpulan LINTEC", serta menghasilkan nilai yang baru.

Menerusi usaha-usaha bagi "Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan [LIP (LINTEC INNOVATION PLAN) - 2019], serta "Materialiti (Isu Penting)" yang menghasilkan nilai ekonomi, kami menyasarkan pembangunan masyarakat yang mampan.



Menjadikan Perubahan Era Sebagai Peluang Menyahut Cabaran “Kreativiti” Nilai Baru

LINTEC, dengan berasaskan mentaliti “Keikhlasan dan Kreativiti” yang menjadi mot syarikat, dengan menggunakan “Linkage (Percantuman)” dan “Technology (Teknologi)” yang menjadi asal-usul nama syarikat, berusaha menggabungkan teknologi aplikasi perekat, teknologi modifikasi permukaan, teknologi sistemasi ke dimensi yang lebih tinggi, melebarkan liputan perniagaan ke bidang yang lebih luas, dan berusaha memajukan globalisasi perniagaan.

Pada bulan Mac 2018, Kumpulan LINTEC telah menamatkan tahun pertama pelaksanaan pelan pengurusan penggal pertengahan 3 tahun “LIP (LINTEC INNOVATION PLAN) – 2019”, dan telah berhasil mencatatkan hasil penjualan dan keuntungan perniagaan yang melebihi penggal sebelumnya. Tetapi, dari segi penjualan, kita tidak dapat mencapai nilai yang dirancang pada awalnya, dan keuntungan perniagaan cenderung datang daripada perniagaan berkaitan elektronik, dan situasi portfolio perniagaan yang tidak mempunyai keseimbangan berterusan. Bagi sesetengah syarikat kumpulan di luar negara, kita juga tidak dapat mengelak daripada melihat keperluan bagi mereka meningkatkan prestasi mereka dengan segera.

Untuk menyelesaikan masalah-masalah ini, kami telah menetapkan tahun 2018 yang merupakan tahun kedua pelaksanaan sebagai “tahun untuk mempercepatkan lagi inovasi”, dan menentukan 3 dasar aktiviti yang baru iaitu “pendalaman reformasi”, “pelaksanaan menyeluruh pemikiran mengutamakan pelanggan” dan “merealisasikan masa depan yang boleh mampan berdasarkan sikap CSR”.

Tanpa inovasi tiada pertumbuhan, dan tanpa pertumbuhan syarikat tidak akan dapat meneruskan kewujudannya. Pada masa akan datang, dengan tercapainya kemajuan dalam IoT*1 dan AI (kecerdasan buatan), persekitaran kehidupan kita akan berubah dengan drastik. Dengan kemajuan dan penyebaran teknologi digital dan teknologi transmisi yang sudahpun berlaku,



Hiroyuki Nishio
Pengarah Wakil, Presiden, Ketua Pegawai
Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi
LINTEC Corporation

“perubahan tanpa” seperti tanpa kertas, tanpa wang tunai dan tanpa wayar semakin berterusan, dan sambil itu, perniagaan dan produk yang baharu juga lahir dengan kelajuan yang pantas.

Dengan mengambil perubahan era sebegini sebagai satu peluang, pembangunan perniagaan dan produk daripada pemikiran dan sudut pandangan yang baru, serta menyahut

Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan “LIP-2019”

(April 2017 - Mac 2020)

Polisi asas

Mendalamkan lagi inovasi, dan menyahut cabaran pertumbuhan yang baru

Tema Penting

1. Penguatan strategi rantau
2. Penciptaan nilai baru
3. Pengukuhan struktur korporat
4. Usaha ke arah merealisasikan masyarakat yang boleh mampan

Penggal Ke-125 Dasar Kegiatan

Tahun Untuk Mempercepatkan Lagi Inovasi

LINTEC INNOVATION PLAN 2019

- Kesemua pekerja memperdalamkan reformasi dan menyasarkan pertumbuhan berterusan
- Meneruskan pemikiran mengutamakan pelanggan, dan menyediakan produk dan servis yang menyahut harapan para pelanggan
- Menjadikan CSR sebagai asas kegiatan, dan membina masa hadapan boleh mampan bersama-sama masyarakat

cabaran dengan menyasarkan ke arah pembinaan proses kerja inilah yang menjadi inovasi yang akan menjadikan nilai baru sebagai “kreativiti” dan seterusnya memandu kumpulan LINTEC ke arah pertumbuhan.

Usaha Menjadikan Usaha Kegiatan CSR Sebagai Enjin Inovasi

Kegiatan CSR memainkan peranan yang penting sebagai enjin yang memacu inovasi ke arah pertumbuhan berterusan.

Untuk merealisasikan pertumbuhan dan pembangunan syarikat sambil menyumbang kepada penyelesaian masalah masyarakat seperti alam sekitar melalui kerja kami, syarikat ini telah mengasaskan “Jawatankuasa SDGs*2” yang bersifat merentasi syarikat yang berpusat kepada ketua ibu pejabat penyeliaan kerja. Semenjak diterima oleh PBB pada tahun 2015, minat masyarakat terhadap SDGs bertambah tinggi dengan pantas. Juga dalam proses pembekalan dalam persediaan dan pengurusan Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo yang akan dianjurkan pada tahun 2020, terdapat permintaan bagi kod pembekalan yang mengambil kira akan kebolehdampanannya. Pada masa akan datang, kita mesti menitikberatkan tindakbalas alam sekitar dan sumbangan masyarakat lebih dari sebelum ini, serta meneruskan usaha ke arah perniagaan yang baharu. Kita juga perlu membangunkan produk baru yang menyahut sasaran SDGs dengan seberapa cepat yang mungkin serta meletakkannya dalam pasaran.

Kekuatan syarikat kita yang terbesar ialah, menyepadukan penyelidikan, pengilangan, dan pengurusan, masing-masing sebagai tiga bahagian dalam satu entiti, dalam proses pembangunan produk hinggalah pemasaran. Penyelidik mengumpulkan maklumat daripada pelanggan, dan kes di mana ini menyumbang kepada

*1 IoT: Singkatan bagi Internet of Things (Internet bagi benda). Pelbagai jenis “benda” seperti bangunan, produk elektrik, kereta, peralatan perubatan disambungkan ke internet, dan saling bertukar-tukar maklumat.

*2 SDGs: Ringkasan bagi “Sustainable Development Goals (Sasaran Pembangunan Boleh Mampan)”. Dipilih di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada September 2015, dan terdiri daripada 17 matlamat dan 169 sasaran.

Dengan melakukan kegiatan CSR berasaskan “Keikhlasan dan Kreativiti”, mempercepatkan inovasi ke arah pertumbuhan berterusan.

penciptaan nilai baru yang melebihi keperluan semakin bertambah. Bagi merealisasikan inovasi dalam banyak aspek, adalah penting untuk menyediakan persekitaran di mana bahagian penyelidikan dan pengurusan saling berinteraksi, dan saling bertukar-tukar idea baru dengan bebas untuk melahirkan hasil dengan lebih cepat.

Untuk menstimulasikan aktiviti sedemikian, kami telah menubuhkan “Bahagian Pembangunan Perniagaan” yang menjalankan pelan dan pertumbuhan perniagaan baharu dengan mengumpulkan pendapat setiap bahagian. Pada masa depan, kami ingin menjadikannya sebagai organisasi yang berfungsi sebagai bahagian pembangunan perniagaan yang merentasi syarikat, dengan cara seperti melibatkan Jawatankuasa SDGs. Juga, dalam jawatankuasa yang sama, kami telah mengaitkan matlamat SDGs dengan materialiti (Isu Penting)*1 yang beroperasi penuh dari tahun 2016. Dengan bermatlamat mencapai pertumbuhan berterusan bersama-sama masyarakat, kami ingin menerapkan SDGs secara proaktif dalam pengurusan kami pada masa akan datang.

Saya menasaskan supaya Kumpulan LINTEC akan dapat mencapai satu keadaan di mana setiap pekerja, dengan menyedari akan SDGs, menerusi kerja harian mereka, dapat merasakan sendiri sumbangan mereka kepada masyarakat, dan ini adalah sangat penting bagi saya.

Mencurahkan Usaha Ke Arah Pengukuhan Pentadbiran dengan Mentaliti “Keikhlasan”

Sementara kegiatan CSR bekerja sebagai enjin “kreativiti” untuk memacu inovasi, kami juga mencurahkan tenaga yang banyak kepada pelaksanaan menyeluruh “keikhlasan” yang bererti pematuhan dan hak asasi manusia. Pada masa ini, isu penting yang menjadi tumpuan tenaga kami ialah pengukuhan pentadbiran.

Syarikat ini telah melantik Ketua Pegawai Eksekutif yang berhak mengundi ahli Lembaga Pengarah Jawatankuasa Audit, dan dengan mempertingkatkan fungsi penyeliaan lembaga pengarah, kami berusaha memperkuatkan pentadbiran dan seterusnya berusaha untuk mempercepatkan pengurusan. Pada masa ini, daripada 15

orang eksekutif (termasuk 4 orang ahli jawatankuasa audit), 4 orang merupakan eksekutif luar syarikat.

Juga, untuk memastikan tiada kejadian pemalsuan data produk dan kebocoran maklumat, dan mencegah sebelum berlakunya sesuatu kejadian yang menjadi risiko yang menjejaskan perniagaan, kami telah menubuhkan “Jawatankuasa Pengurusan Risiko Seluruh Syarikat” yang terdiri daripada orang-orang yang bukan ketua ibu pejabat. Dengan bergiat di samping kegiatan jawatankuasa ini kami sedang mengukuhkan perlindungan dengan mengemaskinikan BCMS*2.

Dengan memacu “pengukuhan strategi rantau” yang dimuatkan dalam “LIP-2019”, setelah mengembangkan perniagaan secara global, kita mesti memperkukuhkan juga pentadbiran terhadap syarikat kumpulan luar negara. Untuk tujuan itu, kita perlu membina struktur yang boleh menyelia pentadbiran secara harian di lokasi tempatan. Kami sedang meningkatkan fungsi LINTEC USA yang menjadi syarikat pengurusan rantau di Amerika Utara, dan memperkukuhkan pentadbiran syarikat kumpulan yang ada dalam negara Amerika Syarikat.

Juga, dengan menasaskan kepada negara dan rantau yang mempunyai etika dan morality yang berbeza, bagi menerapkan moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” serta “LINTEC WAY”, kami melaksanakan perkumpulan belajar yang berpusat kepada Bahagian Perjalanan CSR secara berterusan.

Dengan berkongsi etika dalam seluruh syarikat kumpulan LINTEC dan menggiatkan kegiatan CSR, kami mengharapkan ia akan menghasilkan inovasi yang mencipta nilai baru.

Dengan Usaha Berterusan dan Progresif, Menasaskan Sumbangan Yang Lebih Kepada Alam Sekitar

Dalam “Usaha Ke Arah Merealisasikan Masyarakat Boleh Mampan” yang merupakan salah satu dari tema penting “LIP-2019”, kami telah menjalankan usaha secara berterusan dari tahun ke tahun ke arah pengurangan pengeluaran CO₂. Pada tahun lepas, kami juga telah menjawab kertas soalan CDP*3, dan kami telah memaparkannya kepada para pelabur dan organisasi penilaian. Berkenaan dengan pengeluaran CO₂, kami menasaskan pencapaian sasaran alam sekitar dengan

Proses penetapan indeks penilaian utama dan materialiti khusus

Sebagai usaha untuk memenuhi permintaan dari pada pemegang kepentingan dan memacu kegiatan CSR, pada tahun fiskal 2014, Kumpulan LINTEC telah mengenal pasti materialiti bermula dari langkah 1 di bahagian sebelah kanan hingga langkah 3. Pada tahun 2015 kami telah menetapkan indeks penilaian utama (KPI)*4, dan bermula dari tahun 2016, kami akan menggunakannya dengan sepenuhnya.

*4 Indeks penilaian utama (KPI): Indeks penting yang berkaitan dengan strategi organisasi yang ditetapkan untuk mengukur secara kuantitatif tahap pencapaian matlamat.

Langkah 1 Isu pengestrakan

Dari setiap rangka kerja dan pemegang kepentingan dan komunikasi dalam ISO26000 dan GRI, kami mengeluarkan “isu berkaitan CSR” yang perlu dipertimbangkan.

peningkatan kecekapan proses pengeluaran, pengenalan tenaga boleh diguna semula, serta inovasi.

Mendidik Modal Insan Yang Inovatif dengan Memacu Kepelbagaian

Dalam “reformasi cara bekerja” yang menjadi tumpuan dalam polisi, dengan berpusatkan kepada “Jawatankuasa Pengkajian Penggalakan Kepelbagaian” yang ditubuhkan pada tahun 2016, kami berusaha mengasaskan sistem hal ehwal insan yang mengarah kepada dorongan kegiatan para wanita serta sokongan kepada kedua-dua kerja dan jagaan. Dengan memulakan “Projek Penggalakan Reformasi Kerja” juga, kami ingin memacu “reformasi cara kerja” dengan lebih kuat lagi. Namun, dari segi perlantikan wanita ke jawatan pengurusan dan penyeliaan, terdapat keadaan di mana syarikat kumpulan di luar negara telahpun maju dari banyak aspek, dan usaha ini mengalami kelambatan di dalam negara Jepun.

Sebagai syarikat global, kita mesti merealisasikan kepelbagaian berstandard dunia dalam keseluruhan kumpulan, dan menyediakan persekitaran yang menghormati individu tanpa mengira jantina atau kewarganegaraan. Modal insan yang terdidik dalam persekitaran sedemikian

dan dapat merasa bangga bekerja di Kumpulan LINTEC inilah yang akan menjadi kekuatan yang mencipta inovasi.

Menyumbang Kepada Penyelesaian Isu Masyarakat Dengan Kegiatan CSR Yang Berasaskan Moto Syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti”

“Keikhlasan dan Kreativiti” yang tertera pada moto syarikat ialah kuasa dorongan kita yang diletakkan pada asas kegiatan CSR kita. Etika yang berasaskan kepada “keikhlasan” ialah, etika yang diharapkan dari CSR yang merangkumi pentadbiran, dan inovasi yang lahir dari situ bolehlah diperkatakan sebagai penjelmaan “kreativiti”.

Pada masa akan datang, untuk memenuhi harapan para pemegang kepentingan, kami akan terus menyumbang kepada penyelesaian isu masyarakat melalui kerja kami, dan mara ke arah pertumbuhan berterusan.

Bagi memudahkan para pembaca dan pekerja syarikat untuk memahami kegiatan CSR Kumpulan LINTEC dengan lebih baik, kami telah merumuskan secara sistematik hasil pada tahun 2017 dalam laporan ini dengan semudah yang mungkin.

Kami mengucapkan terima kasih dan mengharapkan sokongan dan galakan berterusan daripada semua orang.

*1 Materialiti (isu penting): → lihat halaman 08.

*2 BCMS: Singkatan untuk Business Continuity Management System. Untuk “meneruskan perniagaan” semasa berlaku kejadian yang memberi kesan besar kepada perkhidmatan atau produk penting syarikat, kami memahami keadaan semasa organisasi dan merumuskan pelan kesinambungan perniagaan, dan melaksanakan penilaian efisien pelan berdasarkan latihan, serta teknik pengurusan untuk mengendalikan sistem.

*3 CDP: Menggantikan “Projek Pendedahan Karbon” yang diasaskan pada tahun 2000, NGO antarabangsa ini meminta syarikat untuk mengumumkan maklumat berkaitan alam sekitar (Perubahan iklim, air, hutan dan sebagainya), dan meneruskan penerbitan laporan analisa.



Langkah 2 Penetapan susunan keutamaan

Kami memberi prioriti tentang isu yang berlaku dari 2 sudut pandangan iaitu “kepentingan kepada Kumpulan LINTEC” dan “kepentingan kepada pemegang kepentingan”.

Langkah 3 Pemastian kesesuaian

Pakar dalam syarikat dan presiden pembuat keputusan berkaitan CSR telah membuat kelulusan dan penilaian.

Langkah 4 Penetapan indeks penilaian utama

Pendedahan materialiti yang telah dikenalpasti. Berdasarkan keadaan kemajuan usaha-usaha, pada tahun 2015, kami telah menetapkan indeks penilaian utama, dan bermula dari tahun 2016, kami akan menggunakannya dengan sepenuhnya.

Materialiti (isu penting)

Materialiti		Lingkungan sasaran (sempadan)		Keadaan yang harus ada	Usaha
		○ adalah			
		Dalam syarikat	Luar syarikat		
Pentadbiran organisasi	Pengurusan pentadbiran global	○	○	Berusaha mengukuhkan sistem pengurusan serta memastikannya berfungsi.	Penguksuhan tadbir urus global
Alam sekitar	Penggunaan sumber secara efektif	○	○	Berusaha mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan pematuhan terhadap undang-undang alam sekitar.	Aktiviti perolehan yang mengambil kira tentang mengurangkan kesan kepada alam sekitar, berdasarkan Polisi Asas Pemerolehan Bahan Mentah LINTEC
	Pengurangan pelepasan bahan cemar kepada atmosfera	○	○		Pengurangan pelepasan gas kepada atmosfera berdasarkan matlamat jangka masa sederhana alam sekitar
	Sumbangan daripada aspek alam sekitar melalui produk dan perkhidmatan	○	○		Pembangunan dan penyebaran produk mesra alam yang mengambil kira tentang LCA*1
	Tindak balas pematuhan aspek alam sekitar	○	○		Pengurusan dan tindak balas pematuhan dalam aspek alam sekitar berdasarkan sistem pengurusan alam sekitar
Budaya kerja	Tindak balas terhadap keselamatan dan kebersihan kerja	○	○	Membina persekitaran tempat kerja di mana pekerja boleh bekerja dengan rasa selamat, dan memastikan keselamatan pekerja apabila berlaku kecemasan.	Mematuhi sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerja, dan melaksanakan aktiviti untuk melindungi keselamatan pekerja
	Merealisasikan kepelbagaian di tempat kerja	○	-		Menghormati kepelbagaian setiap pekerja dan menyediakan tempat kerja yang baik
	Menaikkan taraf kepuasan para pekerja	○	-		Penstrukturan persekitaran tempat kerja yang memberi motivasi kepada pekerja
Masyarakat	Pelaksanaan usaha wajar*2 hak manusia	○	○	Berusaha memacu komunikasi global yang mengambil kira tentang pemegang kepentingan.	Mengambil kira tentang hak asasi manusia bagi keseluruhan rantaian bekalan dan memahami risiko
	Tindak balas terhadap pematuhan aspek kemasyarakatan	○	○		Ketelusan dan penelitian tentang pematuhan dalam syarikat
	Tindak balas terhadap pematuhan aspek produk	○	○		Pencegahan dan pengurangan kemalangan yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti barang
	Sumbangan kepada penggunaan yang lestari	○	○		Memperkenalkan dan menyebarkan keberkesanan produk yang mesra alam sekitar kepada pemegang kepentingan
	Merealisasikan simbiosis dengan komuniti serantau	○	○		Sebagai warga korporat yang baik, melaksanakan aktiviti sosial yang memberi sumbangan kepada masyarakat serantau
Sumbangan kepada aspek industri	Pembinaan model perniagaan untuk pengeluaran dalam pasaran tempatan di negara-negara membangun	○	○	Memacu model perniagaan yang mengambil kira tentang persekitaran dan masyarakat, serta berusaha mewujudkan perniagaan yang menyumbang kepada penyelesaian masalah social.	Pembangunan penyelidikan produk yang bertujuan untuk memberi penyelesaian dalam masalah masyarakat dan mempromosi perolehan tempatan
	Perluasan ke bidang baharu	○	○		

*1 LCA: Singkatan bagi 'Life Cycle Assessment'. Kaedah mengira jumlah tenaga, air, dan sumber yang digunakan serta CO₂, dan bahan kimia toksik yang dikeluarkan sepanjang keseluruhan kitaran hidup produk, untuk menilai secara keseluruhan kesan terhadap alam sekitar.

























*2 Usaha Wajar Hak Manusia: Proses di mana organisasi bukan sekadar menghormati undang-undang, bahkan untuk mengelak bahaya pelanggaran hak manusia, menjalankan proses yang mengendalikan perkara demikian (ISO26000 6.3.3 Isu Berkaitan Hak Manusia 1).

Penganjuran perkumpulan belajar CSR di setiap lokasi seluruh dunia untuk berusaha sebagai satu kumpulan dalam kegiatan CSR (→Pengenalan kandungan kegiatan dari halaman 10)



* Organisasi sasaran pencapaian nyata:

[A] LINTEC Corporation/[B] Kumpulan LINTEC/[C] LINTEC Corporation, TOKYO LINTEC KAKO, INC./[D] Ibu pejabat LINTEC Corporation, 10 pusat pembuatan, pusat penyelidikan/[E] pusat pembuatan (kecuali Iha), pusat penyelidikan LINTEC Corporation

Indeks penilaian utama	Pencapaian nyata*	SDGs Berkaitan
(1) Menggunakan pakai khidmat perundingan dalam dan luar negara (2) Hasil daripada audit dari jabatan audit dalaman yang diperiksa dengan undang-undang setiap negara dan piawaian syarikat	(1) 6 item [B] (2) Tiada perkara ditunjukkan yang penting [B]	 
Jumlah penggunaan pelarut organik	21.5 ribu t [A]	 
(1) Jumlah pengeluaran CO ₂ bagi kegiatan perniagaan dalam negeri (2) Jumlah pengeluaran VOC* ³ bagi kegiatan perniagaan dalam negeri	(1) 185.7 ribu t [C] (2) 967.4 t [E]	  
Bilangan pembuatan produk yang mesra alam sekitar	15 item [A]	 
Jumlah kes pelanggaran undang-undang alam sekitar	0 item [D]	
(1) Jumlah cuti bekerja akibat bencana kemalangan dan perburuhan (2) Tempoh masa tiada kemalangan sepenuhnya	(1) 2 item [C] (2) * ⁴ [C]	 
(1) Peratusan kerja pengurusan pekerja wanita (2) Peratusan kembali bekerja selepas cuti bersalin	(1) 12% [B] (2) 100% [A]	 
Peratusan berhenti kerja dalam tempoh 3 tahun bagi pekerja baru tamat pengajian	6.8% [A]	
Jumlah maklum balas soal selidik dari pembekal	114 syarikat [A]	
Kadar maklum balas soal selidik tentang pematuhan eksekutif dan pengurus syarikat	Peratusan Jawapan Kaji Selidik Penghapusan Risiko 97.8% [B] * Kerana kami telah menjalankan kaji selidik penghapusan risiko (dengan mengecualikan pegawai), kami belum menjalankan kaji selidik pematuhan	
Jumlah laporan kemalangan berkaitan produk utama	0 item [C]	
Jumlah penyertaan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa (penilaian aktiviti)	45 kali [A]	
(1) Jumlah penerimaan peserta dalam lawatan kilang (2) Pelaksanaan aktiviti yang memberi sumbangan kepada masyarakat	(1) 717 orang [C] (2) → lihat halaman 16 [B]	
Penstrukturan sistem pendaftaran bahan mentah tempatan di lokasi luar negara (penilaian aktiviti)	Sedang dalam pembangunan sistem carian bagi pengurusan maklumat bahan mentah peringkat global [B]	   
Bilangan permohonan paten (penilaian aktiviti)	412 item [A]	Sedang Dikaji

*³ VOC: Singkatan bagi "Volatile Organic Compounds" (sebatian organik meruap). Singkatan umum bagi bahan sebatian organik yang menjadi gas di udara.

*⁴ Kilang Mishima, Kilang Kumagaya--1.5 juta jam.
Kilang Chiba, Kilang Kumagaya, Pejabat Penyelidikan, Pejabat Shingu (termasuk Niihama), Kilang Mishima, TOKYO LINTEC KAKO, INC.--tiada bencana selama 1 tahun.

★ Petunjuk prestasi tanda paparan yang mendapat pengesahan daripada pihak ketiga syarikat SGS Jepun. Hasil daripada pengesahan, tiada perkara yang penting yang perlu diperbetulkan.



Rencana

Penganjuran Perkumpulan Belajar CSR Ke Arah Kegiatan Kumpulan Yang Bersatu

Di Kumpulan LINTEC, bersesuaian dengan pembaharuan pelan penggal pertengahan setiap 3 tahun, dan bagi menyasarkan CSR di mana semua pekerja berfikir dan bergerak dengan sendiri, serta bergiat dengan merasakan semangat perpaduan, kami menganjurkan perkumpulan belajar CSR dengan kandungan yang sama di mana-manapun ia diadakan. Pada tahun 2017, dengan tambahan MACTAC AMERICAS, LLC, LINTEC EUROPE (UK) LIMITED serta VDI, LLC sebagai anggota baru kumpulan LINTEC, kita telah menganjurkan perkumpulan belajar di 58 di dalam dan luar negara, dan seramai kira-kira 4,100 para pekerja telah menyertainya.



MACTAC AMERICAS, LLC



Pejabat Chicago
LINTEC OF AMERICA, INC.



LINTEC KOREA, INC.



LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION



LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA)
SDN. BHD.

[Suara Peserta]

Saya merasakan niat yang kuat untuk menyumbang kepada masyarakat selaku syarikat yang berkaitan dengan pembuatan benda. Saya telah memahami kepentingan berfikir tentang, bagaimanakah barangan yang dibuat oleh kami sendiri memberi kesan kepada ahli-ahli masyarakat, dan menyelesaikan masalah mereka, sepanjang masa.

Naoko Paul

NANO-SCIENCE & TECHNOLOGY CENTER
LINTEC OF AMERICA, INC.



LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES
(KOREA), INC.



Kilang Agatsuma
LINTEC Corporation



Pusat Penyelidikan
LINTEC Corporation



Nagoya Cawangan
LINTEC Corporation



Kilang Tatsuno
LINTEC Corporation



[Suara Peserta]

Saya telah mempelajari tentang bagaimana di dalam menjalani kehidupan sebagai seorang insan juga, dengan menjadikan CSR sebagai asas, adalah menjadi sesuatu yang diharapkan untuk meningkatkan dan menambahbaik keberkaitan dengan persekitaran. Saya bekerja dan berusaha untuk dapat menjalani kehidupan dengan berbangga dengan diri sendiri.

Yuukari Miura

Bahagian Hal Ehwal Manusia Bahagian Sokongan Kerja






Perkumpulan Belajar CSR Yang Bertumbuh Didorong Oleh Suara Peserta

Kumpulan LINTEC telah memulakan perkumpulan belajar CSR pada kira-kira 10 tahun yang lalu iaitu pada tahun 2009. Ketika itu, baik dari masyarakat mahupun dalam syarikat, perkataan “CSR” tidak begitu difahami, dan kami telah mempelajari tentangnya dari kosong dengan soalan “Apa itu CSR?” Syarikat ini menganjurkannya secara tidak tetap, dan para peserta juga terhad kepada beberapa bahagian tertentu LINTEC, tetapi sekarang ia telah menjadi penganjuran berkala setiap 3 tahun, dan telah menyebarkan lokasi penganjurannya dari LINTEC ke syarikat kumpulan di dalam dan luar negara.

Pada latar belakang penyebaran model sebegini, terdapat suara para pekerja yang menyertai perkumpulan belajar. “Kami ingin ia diteruskan”, “Kami ingin orang di lokasi pembuatan turut mendengarnya”, “Ini harus dianjurkan juga di lokasi luar negara”. Dengan dorongan suara para peserta yang begini, perkumpulan belajar CSR semakin menambahkan bilangan penganjuran dan lokasi penganjurannya. Sekarang, ia telah bertumbuh kepada model di mana seramai kira-kira 70 peratus pekerja kumpulan LINTEC menyertainya.



LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION (Pejabat Shanghai)
& LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (SHANGHAI), INC.



PT. LINTEC JAKARTA

[Suara Peserta]

Apabila saya mendengar perkataan CSR, saya membayangkan kegiatan luaran yang menjadi tanggungjawab kemasyarakatan syarikat, tetapi saya juga memahami bahawa menambahkan bahagian dalaman syarikat seperti perhubungan sesama manusia dan persekitaran kerja dalam syarikat juga adalah kegiatan CSR.

Keita Kawamoto

Bahagian Perakaunan Seksyen Perakaunan



LINTEC KUALA LUMPUR SDN. BHD.



LINTEC PRINTING & TECHNOLOGY
(TIANJIN) CORPORATION



PT. LINTEC INDONESIA



LINTEC (THAILAND) CO., LTD.



[Suara Peserta]

Saya menyukai moto syarikat dan LINTEC WAY. Ia bersesuaian dengan logik, dan saya berbangga mengetahui yang saya bekerja di syarikat yang mempunyai nilai sebegini.

Elizabeth Starc

MACTAC AMERICAS, LLC



LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.



LINTEC HANOI VIETNAM CO., LTD.

Untuk Memajukan Kegiatan CSR Dengan Berasaskan Moto Syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” dan “LINTEC WAY”

Perkara yang penting dalam menganjurkan perkumpulan belajar CSR ialah, berkongsi moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” yang menjadi asas kegiatan CSR kumpulan LINTEC, dan juga “LINTEC WAY” yang bertujuan mencerminkan moto syarikat pada perbuatan yang konkrit, serta menyepadukan kesedaran mereka menjadi satu. Walaupun dengan berubahnya lokasi penganjuran dan era, serta, tidak kira bagaimana dunia berubahpun, asas ini tidak goyah. Di mana-manapun lokasi penganjuran perkumpulan belajar baik di luar mahupun di dalam negara, kami menyampaikan mesej yang sama kepada para pekerja. Dalam soal selidik juga, kami mendapatkan banyak pendapat positif tentang moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” serta “LINTEC WAY”, dan kami dapat merasakan bahawa ia telah berakar dengan kukuh sebagai asas kegiatan CSR setiap orang. Dengan merujuk kepada kegiatan sumbangan masyarakat yang dijalankan di salah satu lokasi luar negara, sebuah lagi lokasi telah memulakan kegiatan

yang serupa, dan ini melahirkan situasi kegiatan CSR yang menunjukkan sifat kumpulan LINTEC yang berantai merentasi sempadan negara.

Pada masa hadapan, dengan menggunakan apa yang disedari dan dipelajari dalam perkumpulan belajar CSR, kami ingin memajukan kegiatan CSR dengan berasaskan moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” dan “LINTEC WAY”.

Kolum

Trueheart Stone

Ini adalah pemberian kepada Bahagian Perjalanan CSR dari para pekerja syarikat kumpulan luar negara yang menyertai perkumpulan belajar CSR sebagai tanda berkongsi perasaan sama dengan kandungan perkumpulan belajar. Ia menggambarkan 5 cara memupuk keikhlasan “ketulusan penghubung hati” “LINTEC WAY”.



MADICO, INC.



LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (MALAYSIA) SDN. BHD.



LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.



NANO-SCIENCE & TECHNOLOGY CENTER LINTEC OF AMERICA, INC.



LINTEC ASIA PACIFIC REGIONAL HEADQUARTERS PRIVATE LIMITED & LINTEC SINGAPORE PRIVATE LIMITED



LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.



Ibu Pejabat LINTEC Corporation



LINTEC EUROPE (UK) LIMITED



LINTEC HI-TECH (TAIWAN), INC.



Ibu Pejabat LINTEC OF AMERICA, INC.

[Suara Peserta]

Setiap kali penganjuran, isi kandungannya dikemaskinikan, dan saya merasakan bahawa terdapat persediaan yang baik untuk memahami erti model kegiatan. Saya berharap agar kegiatan bagi seluruh kumpulan dan semua pekerja ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Naoshi Nishikado
Bahagian Pelan Pengurusan



LINTEC SIGN SYSTEM, INC.



TOKYO LINTEC KAKO, INC.



Kilang Kumagaya LINTEC Corporation



LINTEC COMMERCE, INC.



[Suara Peserta]


Saya fikir bahawa moto syarikat dan LINTEC WAY adalah sangat penting dan jelas. Perkara yang terbaik dalam perkumpulan belajar ialah, kita dapat memahami maksud LINTEC WAY sepenuhnya, serta dapat berkongsi semangat Bahagian Perjalanan CSR.

Alistair Coombs
LINTEC EUROPE (UK) LIMITED



Soal selidik para peserta

■ Adakah anda berfikir bahawa kegiatan CSR kumpulan LINTEC telah terserap dalam syarikat?



Seramai 78.2% dari para peserta menjawab "Sangat berfikir sedemikian" dan "Berfikir sedemikian"

* Kami membuat graf berdasarkan hasil soal selidik (bentuk pilihan jawapan) perkumpulan belajar CSR pada tahun 2017.
 * Tidak termasuk MACTAC AMERICAS, LLC, LINTEC EUROPE (UK) LIMITED, dan VDI, LLC yang menyertai perkumpulan belajar CSR buat pertama kali

Menerima perkumpulan belajar CSR

Kami menjalankan soal selidik di perkumpulan belajar CSR, dan menanti-nanti kandungannya. Terutamanya dalam jawapan bebas, kami dapat memahami pemikiran pekerja yang bekerja di sesuatu lokasi dan memahami sikap terhadap CSR. Ramai pendapat yang bersetuju tentang kegiatan CSR kumpulan LINTEC, dan juga, kami dapat merasakan moto syarikat 'Keikhlasan dan Kreativiti' serta "LINTEC WAY" telah menyerap ke setiap sudut. 3 buah syarikat yang menjadi rakan baru kita pada tahun 2016 telah mencukupkan Jawatankuasa CSR, dan saya yakin bahawa mereka telah memulakan kegiatan yang mereka fikirkan sendiri.

Kami berusaha ke arah kegiatan CSR dengan berpadu sebagai satu kumpulan, ke arah merealisasikan masyarakat yang boleh mampan.

Hiroyuki Nishio

Pengarah Wakil, Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi



Kilang Scranton
MACTAC AMERICAS, LLC



VDI, LLC



LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.



LINTEC VIETNAM CO., LTD.

[Suara Peserta]

Dengan menyertai perkumpulan belajar, saya berfikir ingin membaca garis panduan model kegiatan dan buletin syarikat sekali lagi. Melalui penganjuran perkumpulan belajar secara berkala, saya berfikir bahawa CSR LINTEC akan lebih meresap ke dalam syarikat.

Junya Tanimoto

Baghagian Sistem Maklumat Kumpulan Pelan/Rekaan



Kilang Columbus
MACTAC AMERICAS, LLC



Kilang Chiba
LINTEC Corporation



Kilang Komatsushima
LINTEC Corporation



Kilang Mishima
LINTEC Corporation



LINTEC EUROPE B.V.



[Suara Peserta]

Moto syarikat dan LINTEC WAY sangat mengujakan. Saya telah menanti-nantikan syarahan dalam perkumpulan belajar ini. Terima kasih banyak-banyak.

Distin Williams

VDI, LLC



LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES
(EUROPE) GMBH

Aktiviti CSR oleh LINTEC

Perniagaan Kumpulan LINTEC wujud daripada sokongan oleh para pemegang kepentingan. Bagi memenuhi harapan pemegang kepentingan dan menjadi syarikat yang dipercayai, semua pekerja, dengan meletakkan moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” sebagai asas, mengambil “LINTEC WAY”, “Sikap Asas CSR”, dan “Garis Panduan Pematuhan” yang penting bagi mendukung moto syarikat, dan memacu secara proaktif kegiatan CSR.

Selain itu, bermula dari bulan April 2017, untuk merealisasikan Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan

“LIP (LINTEC INNOVATION PLAN) - 2019”, pengukuhan pengurusan kumpulan adalah penting, dan kami menggalakkan kegiatan CSR yang berterusan dalam global. Kumpulan LINTEC menggabungkan aktiviti CSR yang berhubung terus dengan pihak pengurusan, dan untuk mengamalkan CSR melalui perniagaan utama kami, kami telah menetapkan indeks penilaian utama (KPI)*1 yang baru berdasarkan materialiti yang dikenal pasti. Kami mengamalkan aktiviti CSR yang strategik berdasarkan amalan kitaran PDCA.

Sistem pemacu CSR

Di bawah kawalan langsung ketua Bahagian Perjalanan CSR, kami menjalankan pembangunan tahap etika yang tinggi dan menyokong aktiviti jawatankuasa CSR. Jawatankuasa CSR ini terdiri daripada ahli merentas organisasi, yang bertanggungjawab menyusun dan bertanggungjawab dalam promosi bagi setiap jawatankuasa, dan mengetuai aktiviti pengurusan. Pada tahun 2017, kami telah mengasaskan Jawatankuasa SDGs untuk menyelesaikan masalah masyarakat melalui perniagaan utama kami.



UN Global Compact

Kumpulan LINTEC telah menyertai “UN Global Compact” dari April 2011. Dengan berdasarkan 10 prinsip yang tertera di bawah, kami menjalankan kegiatan industri kami, dan menyumbang terus kepada pembangunan berterusan syarikat.

- **Hak manusia**
Prinsip 1: Sokongan dan penghormatan terhadap perlindungan hak manusia
Prinsip 2: Menolak pelanggaran hak manusia
- **Standard kerja**
Prinsip 3: Perakuan kebebasan berserikat dan hak perundingan kolektif
Prinsip 4: Menolak kerja paksaan
Prinsip 5: Menolak amalan buruh kanak-kanak
Prinsip 6: Menghapuskan diskriminasi pelantikan dan pekerjaan
- **Alam Sekitar**
Prinsip 7: Pendekatan bersifat pencegahan masalah alam sekitar
Prinsip 8: Inisiatif bertanggungjawab terhadap alam sekitar
Prinsip 9: Pembangunan dan penyebaran kepakaran mesra alam sekitar
- **Pencegahan Korupsi**
Prinsip 10: Usaha pencegahan korupsi dalam segala bentuk termasuk peras ugut dan pemberian rasuah

ISO26000

“ISO26000” adalah standard bertaraf antarabangsa yang berkaitan dengan tanggungjawab kemasyarakatan pada mana-mana organisasi. Dalam Kumpulan LINTEC, dengan menjadikan 7 tema teras sebagai rujukan, kami menjalankan kegiatan CSR.

Komunikasi antara rangkaian nilai Kumpulan LINTEC dengan pemegang kepentingan

Kegiatan perniagaan Kumpulan LINTEC memberi impak kepada setiap rangkaian nilai. Bagi setiap fasa, kami melakukan perbincangan secara proaktif dengan para pemegang kepentingan, dan menjalankan usaha-usaha mencapai harapan masyarakat.

[Tempat perbincangan]

Pelanggan	Pameran di dalam dan luar negara, Kaunter pertanyaan dan sebagainya
Klien	Soal selidik dan sebagainya
Masyarakat serantau	Lawatan sambil belajar ke kilang, Kegiatan menyumbang kepada masyarakat dan sebagainya
Pekerja	Majalah komunikasi, Internet dan sebagainya
Pemegang saham/pelabur	Mesyuarat umum pemegang saham, Mesyuarat IR, alat IR dan sebagainya

Sorotan Usaha-usaha LINTEC

Perolehan bahan mentah

Menuju kewujudan dan pertumbuhan bersama dengan klien, serta menggalakkan perolehan CSR

Pembangunan penyelidikan

Penciptaan produk baru yang inovatif serta menyumbang kepada masyarakat yang berpusat di bahagian pembangunan penyelidikan

Bilangan klien bahan sumber Kira-kira **500** syarikat

Peratusan menjawab soal selidik daripada 117 syarikat **97.4%**

Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan Kos kegunaan penyelidikan dan pembangunan **7.9** bilion yen

Bilangan permohonan kebenaran istimewa **412** item/tahun

*1 Indeks penilaian utama (KPI): → lihat halaman 06.
*2 BCMS : → lihat halaman 07.

*3 BCP: Singkatan kepada Business Continuity Plan. Jika syarikat menghadapi keadaan kecemasan seperti kemalangan atau bencana, untuk mengurangkan kerosakan, kami merumuskan pelan tindakan lebih awal untuk membolehkan penerusan atau pemulihan awal.

Kegiatan-kegiatan CSR

Benar terhadap keunggulan moto syarikat ini, “Keikhlasan dan Kreativiti”, Kumpulan LINTEC berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua usaha korporat dihormati sepenuhnya. Di bawah ini adalah laporan mengenai usaha-usaha Kumpulan LINTEC dan mengenai sistem-sistem yang membolehkan idea tersebut dipraktikkan dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.

Pentadbiran Perusahaan

Pemikiran Kumpulan LINTEC

Kumpulan LINTEC menjalankan pematuhan menyeluruh, meningkatkan kesedaran etika korporat dan ketelusan pengurusan, ia bertujuan agar pekerja dapat membuat keputusan dengan cepat dan pelaksanaan perniagaan yang efektif, dan kami percaya ia adalah asas pentadbiran korporat. Melalui penambahbaikan dan pengukuhan, kami mensasarkan untuk meningkatkan lagi nilai korporat dan kepentingan bersama pemegang saham Kumpulan LINTEC.

Kegiatan 1 Kajian global berkaitan hak manusia/buruh

Kumpulan LINTEC menjalankan kajian keadaan sebenar berkaitan hak manusia dan buruh, dengan menjadikan kesemua syarikat kumpulan sebagai sasaran kajian pada setiap tahun. Subjek kajian merangkumi banyak perkara termasuk pematuhan undang-undang dan penghapusan diskriminasi, menghormati hak manusia, larangan buruh kanak-kanak, larangan buruh paksa, upah, waktu bekerja, perbincangan dan konsultasi bersama para pekerja, persekitaran kerja yang selamat dan sihat dan juga pemupukan modal insan.

Pada kajian* yang diadakan pada bulan Mac tahun 2018 juga, selain daripada pematuhan setiap negara dan rantau, tatakelakuan Kumpulan LINTEC juga difahami, dan kami dapat memastikan bahawa persekitaran kerja yang menghormati hak asasi manusia serta selamat dan sihat adalah terjaga.

Pada masa akan datang, kami akan menjalankan kajian berkala sekali setahun, dan memanfaatkannya bagi memahami keadaan sebenar dan penambahbaikannya.


Pengurusan risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Seluruh Syarikat yang terdiri daripada orang yang bukan merupakan ketua ibu pejabat di Kumpulan LINTEC menghapuskan semua risiko berkaitan dengan pengurusan syarikat dengan menyasarkan semua syarikat kumpulan, serta berusaha mencegah kejadian masalah dengan usaha-usaha penambahbaikan dengan bertindak balas terhadap tahap keparahan dan kepentingannya.

Dengan menjalankan soal selidik pematuhan dan memahami keadaan dalaman syarikat, kami berusaha meningkatkan kemampuan pengurusan risiko.

Kegiatan 2 Pembinaan BCMS*2 di seluruh syarikat

LINTEC, TOKYO LINTEC KAKO, INC. dan LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. sedang berusaha menetapkan BCP*3 supaya, ketika berlaku pelbagai bencana seperti gempa bumi, ia dapat meminimumkan kecederaan kepada individu dan menyambung pembekalan dan membuka semula industri dengan cepat. Pada Mac 2014, kami telah mendapatkan pensijilan ISO22301*4 : 2012, dan bagi meneruskan/menambah baik BCP, kami mengoperasikan BCMS. Pada masa akan datang, kami ingin merancang menambah penerapan BCMS kepada semua pekerja syarikat, dan merancang mengaktifkan dan memperkayakan kegiatan kami.



*4 ISO22301: Dalam kejadian seperti gempa bumi dan kebakaran, kegagalan sistem IT dan krisis kewangan, kejadian bankrap pelanggan, wabak, bencana atau kemalangan, sebagai persediaannya, merancang langkah penyelesaian syarikat dan organisasi, serta melaksanakan piawaian antarabangsa BCMS yang efektif dan berkesan.

*5 Anjakan modal: Dengan menukarkan jalur pengangkutan penumpang dan kargo kepada kereta api dan pengangkutan kapal yang boleh mengangkut secara besar-besaran, kami merancang pengurangan pengeluaran CO₂.
Tentang tanda ★ lihat halaman 09.

Laporan Kemasyarakatan

Kegiatan 1 Pendedahan Maklumat Produk

Saban tahun, soalan daripada para pelanggan berkenaan produk semakin meningkat, dan kandungan soalan merangkumi banyak perkara. Kumpulan LINTEC, dengan tujuan supaya para pelanggan boleh menggunakan produk dengan selamat dan tenang, menyediakan maklumat berkenaan produk dalam banyak bentuk seperti penerbitan lampiran data keselamatan (SDS), jawapan kajian yang mengandungi bahan kimia, pameran maklumat pendaftaran pengiktirafan seperti ISO dan FSC^{*1}, dan juga dokumen teknikal yang mencatatkan ciri-ciri istimewa produk.

Juga, pada halaman utama LINTEC, kami ada menyatakan maklumat bermula daripada moto syarikat dan prinsip pengurusan serta polisi syarikat, hinggalah usaha ke arah kegiatan CSR, maklumat produk dan penyelidikan dan pembangunan.

Pada masa akan datang, dengan mementingkan “mentaliti pembuatan benda”, kami bermatlamat ke arah pembuatan produk berkualiti tinggi yang boleh memberi kepuasan kepada pelanggan.

Kegiatan 2 Pemerolehan CSR

LINTEC menjalankan kegiatan pemerolehan mengikut “Polisi Asas Pemerolehan Bahan Mentah LINTEC”, “Dasar Pemerolehan Hijau LINTEC”, dan “Dasar Pemerolehan Pulpa Kayu LINTEC” yang berasaskan semangat CSR.

Melalui pelbagai peluang, kami meminta penelitian CSR dari pelbagai sudut pandangan seperti menghormati hak manusia, keselamatan dan kebersihan kerja, keselamatan maklumat, dan etika syarikat daripada para klien.

Pada tahun 2017 juga, kami menjalankan soal selidik klien, dan memastikan perkara-perkara berkaitan CSR seperti pematuhan, larangan buruh kanak-kanak, dan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Kami meminta kerjasama untuk menjawab soal selidik daripada 117 buah syarikat yang dipilih berdasarkan nilai nilai transaksi dan BCP^{*2} tertinggi dalam kalangan kira-kira 500 buah syarikat klien bahan sumber kami, dan kami telah mendapatkan jawapan daripada 114 buah syarikat*. Hasil soal selidik ini akan juga digunakan untuk penilaian pembekal.

Pada masa akan datang, kami ingin terus berusaha menambahkan kegiatan pengedaran dan memperkukuhkan kerjasama dengan klien.

Keadaan pelaksanaan soal selidik klien



*1 FSC®: Singkatan bagi Forest Stewardship Council (Majlis Pengurusan Hutan). Sebuah organisasi antarabangsa yang mengiktiraf hutan di seluruh dunia yang menghasilkan hasil kayu, serta proses pengedaran dan pengilangan hasil kayu yang ditebang dari hutan tersebut.

*2 BCP: → lihat halaman 14.

*3 Penilaian risiko: Menilai risiko dan menetapkan standard keselamatan.

Kegiatan 3 Pendidikan global

Di Ina Technology Center, kami menjalankan latihan pembuatan dan penyelenggaraan peralatan bagi jurutera servis dalam dan luar negara. Bagi peralatan pembuatan semikonduktor “RAD-3520F/12” yang dibangunkan pada tahun 2017, kami akan menjemput para jurutera dari Singapura, Filipina, dan Malaysia pada bulan Jun, Amerika pada bulan September, Taiwan dan dalam negara Jepun pada bulan Oktober, serta Jerman pada bulan November untuk menjalankan pendidikan menggunakan manual secara bertahap seperti cara pembuatan dan penalaan, dan menyokong sokongan pelanggan.



Keadaan latihan

Kegiatan 4 Pelan Keselamatan dan Kebersihan Sepanjang Tahun

Di kumpulan LINTEC, dengan merujuk kepada polisi keselamatan dan kebersihan serta hasil semakan semula pengurusan, kami menggubal pelan keselamatan dan kebersihan setiap tahun, dan menjalankan kegiatan keselamatan dan kebersihan berasaskan kepada pelan itu.

Dalam pelan keselamatan dan kebersihan, kami menetapkan perkara pelaksanaan yang penting seperti rondaan keselamatan, penilaian risiko^{*3} dan pendidikan keselamatan, serta menentukan sasaran dan jadual pelaksanaan bagi setiap perkara dengan teliti. Dengan memeriksa keadaan kemajuan pelan di tempat kerja pada setiap bulan, dan melaporkan hasilnya kepada jawatankuasa keselamatan dan kebersihan, kami merancang penambahbaikan dengan lebih lanjut.

Sambil meneruskan kitaran PDCA seperti ini, dengan menghubungkannya dengan kegiatan keselamatan dan kebersihan yang seterusnya, kami menyasarkan kemalangan sifar.

Kegiatan 5 Kegiatan pada peringkat global*

Kumpulan LINTEC menjalankan kegiatan sumbangan kemasyarakatan yang berakar di tempat di pelbagai rantau di mana ia berlokasi. LINTEC (THAILAND) CO., LTD., pada bulan November 2017, di pantai Bang Poo, Daerah Samut Prakarn, telah menjalankan kegiatan menanam pokok bakau buat kali yang pertama bagi syarikat kami. Seramai 144 orang yang terdiri daripada para pekerja dan keluarga telah menanam 750 batang pokok bakau, dan mempelajari pemeliharaan alam sekitar. Pada masa akan datang juga, kami akan berusaha di seluruh dunia sebagai sebuah syarikat yang dipercayai oleh rantau.




Kegiatan Menanam Pokok Bakau Oleh LINTEC (THAILAND) CO., LTD.

*4 VOC: → lihat halaman 09.

*5 Undang-Undang PRTR: Singkatan bagi (Undang-Undang Berkenaan Kemajuan Penambahbaikan Pengawasan dan Pengurusan Jumlah Pelepasan Bahan Kimia Ditetapkan Ke Persekitaran) yang mewajibkan sistem laporan “Pollutant Release and Transfer Register” (Jumlah Pelepasan dan Pemindahan Bahan Kimia). Sistem pengawalan dan pengumpulan data berkenaan jumlah pelepasan dan pemindahan bahan kimia, yang kemudian dilaporkan kepada negara dan diumumkan kepada orang ramai.

Laporan Alam Sekitar

Data alam sekitar bagi 14 syarikat kumpulan di luar negara



Pada tahun 2016, MACTAC AMERICAS, LLC., VDI, LLC., dan LIITEC EUROPE (UK) LIMITED telah menyertai kumpulan LIITEC, dan mula mengumpulkan data keseluruhan dari tahun 2017. Peringatan) 1. VOC (sebatian organik mudah meruap) termasuklah toluena, methyl ethil keton. 2. Nilai haba yang terhasil bagi setiap bahan api dalam pengiraan jumlah penggunaan bahan api (COE) adalah menggunakan nilai yang telah ditetapkan dalam perkara 4 Undang-undang Penguatkuasaan Penjimatian Tenaga. 3. LSFT: LIITEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. LAT-T: LIITEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC. LSFK: LIITEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC. LE (UK): LIITEC EUROPE (UK) LIMITED

Kegiatan 1 Tindakan balas kepada Undang-Undang PRTR*5

Terdapat 9 bahan yang tertakluk pada PRTR yang dilaporkan oleh LIITEC pada tahun 2017, dan jumlah keseluruhan yang dikendalikan adalah sebanyak 7,838t. Bahan yang paling banyak jumlah yang dikendalikan ialah toluena, iaitu sebanyak 7,752t, yakni pertambahan daripada jumlah yang dikendalikan pada tahun sebelumnya sebanyak 22t. Jumlah perlepasan toluena ke dalam udara pada tahun 2017 ialah sebanyak 482t iaitu pertambahan daripada jumlah perlepasan pada tahun sebelumnya sebanyak 11t, dan jumlah perpindahannya ialah 483t iaitu pertambahan daripada tahun sebelumnya sebanyak 16t.

Kegiatan 2 Tindak balas kepada pelbagai jenis peraturan pengurusan bahan kimia di Kesatuan Eropah

Di LIITEC, bagi bahan sumber yang dibeli, kami melaksanakan pemeriksaan kandungan bahan beban alam sekitar, dan berusaha mematuhi undang-undang yang berkaitan menerusi pengurusan dan pemahaman yang sesuai bagi bahan kimia serta menyampaikan maklumat kepada para pelanggan. Seterusnya, kami menjalankan tindak balas bagi bahan yang dihadkan sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan REACH*6 dan Arahan RoHS*7. Seterusnya, untuk membina struktur penyampaian maklumat yang lebih tepat dan efektif, kami sedang menjalankan persediaan tindak balas terhadap chemSHERPA*8 dari tahun 2017.

Kegiatan 3 Pengurangan VOC

Kami di LIITEC memacu pengurangan VOC. Sewaktu mereka bentuk produk, kami menyasarkan pengurangan jumlah penggunaan pelarut organik dari segi VOC, dan mendorong langkah ke arah penggunaan sifar pelarut dalam minyak penanggal yang digunakan pada kertas tanggal serta minyak perekat yang digunakan pada produk perekat berkaitan pencetak. Peratusan langkah ke arah penggunaan sifar pelarut (berdasarkan jumlah pengeluaran) dalam kertas tanggal pada tahun 2017 ialah 55.1%, manakala peratusan langkah ke arah penggunaan sifar pelarut (berdasarkan jumlah jualan) dalam produk perekat berkaitan pencetak ialah 73.7%. Peratusan ke arah penggunaan sifar pelarut telah menjadi stabil.

Dari sudut pandangan pencegahan pencemaran udara, kami menyedari akan keperluan lebih banyak pengurangan, dan seterusnya, kami akan terus memajukan draf dan pelaksanaan dasar ke arah pengurangan VOC. Kami akan terus melakukan pengurusan peralatan pemrosesan secara menyeluruh serta menjalankan pembangunan dan penjualan produk sifar pelarut, seterusnya berusaha ke arah pengurangan beban alam sekitar.

Suara!

Penubuhan Fasiliti Pengurusan VOC, dan Bertindak Balas Kepada Pindaan Undang-undang

Pada tahun 2015 di Korea Selatan, "Undang-Undang Pemeliharaan Persekitaran Udara" telah digubal, dengan menyasarkan peraturan kepada udara yang mengandungi pelarut organik mudah meruap yang dihasilkan selain dari fasiliti pengeluaran. LIITEC KOREA, INC., dengan tujuan untuk menguruskan VOC yang dikeluarkan dengan kepekatan rendah

dari bilik bersih, telah memasang 2 buah mesin pemekatan dan 1 buah peralatan pengurusan gas pengeluaran (jenis RTO), dan mereka mula beroperasi dari bulan November 2016. Pengeluaran VOC pada tahun 2017 telah berkurangan sebanyak 7t dari tahun 2016. Pada masa akan datang, kami akan berusaha ke arah mengurangkan VOC secara berterusan.



Jang Dae Jung
Bahagian Teknikal Fasiliti
Ketua Bahagian
LIITEC KOREA, INC.

*6 Peraturan REACH: Singkatan bagi Peraturan Berkenaan Pendaftaran, Penilaian, Kebenaran dan Pencegahan Bahan Kimia, yang menjadi peraturan bahan kimia di Kesatuan Eropah. Pendaftarannya diperlukan sekiranya mengeksport sebanyak lebih daripada 1t bahan kimia ke negara-negara Kesatuan Eropah dalam tempoh satu tahun. Juga, sekiranya terdapat bahan kimia yang tersenarai dalam bahan kimia yang tercalon sebagai sasaran kebenaran sebanyak lebih daripada 0.1% dalam kandungan produk, kita perlu melaporkannya.
*7 Arahan RoHS: Arahan berkenaan pencegahan kegunaan bahan kimia berbahaya yang tertentu pada peralatan elektronik/elektrik di Kesatuan Eropah.

*8 chemSHERPA: Skim perkongsian penyampaian maklumat bahan kimia yang terkandung dalam produk yang disyorkan oleh Kementerian Ekonomi dan Pembuatan. Sistem yang bertujuan untuk menguruskan bahan kimia yang terkandung dalam produk dari atas hingga ke bawah rantaian pembekalan secara bersesuaian, dan memberi tindak balas berterusan terhadap peraturan yang semakin menyebarkan. Tentang tanda ★ lihat halaman 09.

Kegiatan CSR syarikat kumpulan luar negeri

Demi memenuhi tanggungjawab sebagai syarikat global, kami memacu kegiatan CSR yang berakar di rantau tempatan bagi setiap syarikat kumpulan luar negeri.

LIITEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Lokasi: Suzhou, China
Jumlah pekerja: 211 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak, bahan pengeluaran dan kertas dan bahan pemroses kertas

Pada bulan Mei 2017, bagi memberi tindak balas kepada makluman yang diberi kepada syarikat yang menggunakan bahan kimia berbahaya oleh Daerah Suzhou, syarikat ini telah memasang dua gerbang yang membahagikan kawasan pembuatan dan kawasan lain, dan ia mula beroperasi dari bulan lepas. Dengan ini, kami dapat memastikan dengan tepat jumlah orang yang berada dalam satu kawasan pada waktu kecemasan.



Papan pemberitahuan dalam kawasan



Liu Shiping
Jabatan
Kejuruteraan

LIITEC PRINTING & TECHNOLOGY (TIANJIN) CORPORATION

Lokasi: Tianjin, China
Jumlah pekerja: 95 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Dengan tujuan untuk menambah kefahaman berkenaan biodiversiti, pada Mac 2018, kami telah menanam 9 batang pokok sakura di dalam kawasan tapak syarikat kami. Pokok sakura yang ditanam pada kali ini akan dipertanggungjawabkan setiap satunya kepada setiap bahagian untuk menjaganya. Pada masa akan datang, kami akan meneruskan kegiatan pemeliharaan biodiversiti.



Keadaan penanaman pokok



Zhang Kun
Bahagian Jaminan
Kualiti

LIITEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Lokasi: Tainan, Taiwan
Jumlah pekerja: 93 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Setelah meramalkan bahawa pada waktu berlakunya bencana akan terjadinya masalah menyelamatkan mangsa tercedera, pada tahun 2017, kami telah menambahkan kenderaan pemindahan tangga kecemasan. Dalam seminar pencegahan kebakaran, kami telah dapat menyelamatkan mangsa tercedera dengan cepat dengan menggunakan kenderaan pemindahan. Pada masa akan datang, kami akan meneruskan persediaan dan latihan bagi waktu berlaku bencana.



Latihan menggunakan kenderaan pemindahan tangga kecemasan



Tui-ching Yang
Bahagian
Keselamatan Industri

LIITEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.

Lokasi: Kaohsiung, Taiwan
Jumlah pekerja: 82 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada bulan Oktober 2017, kami telah menjalankan aktiviti pembersihan di tepi pantai Qijin di bandar Kaohsiung. Kerana ia dianjurkan pada hujung minggu, terdapat pekerja yang membawa anak mereka ikut serta. Melalui aktiviti ini kami dapat menyedari tentang keseriusan masalah sampah di pantai, dan kami mendapat pendapat yang positif daripada para peserta. Pada masa akan datang kami akan meneruskan aktiviti pemeliharaan alam sekitar.



Keadaan aktiviti pembersihan



Chen-Jung Liao
Bahagian
Perjalanan ISO


LIITEC KOREA, INC.

Lokasi: Cheongwon, Chungcheon, Korea
Jumlah pekerja: 89 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada November 2017, sebagai sebahagian daripada aktiviti sumbangan kemasyarakatan, kira-kira 10 orang pekerja telah menjalankan aktiviti membuat kimchi di kafeteria dalam syarikat, dan membahagikannya kepada warga tua yang tinggal bersendirian serta keluarga yatim seramai 60 buah pintu di kawasan setempat. Aktiviti kali ini merupakan waktu yang sangat memberi makna yang dapat merealisasikan perasaan "saling mengerti".



Pembuatan kimchi oleh para pekerja



Moon Ji-Eun
Bahagian
Pentadbiran

LIITEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Lokasi: Kota Pyeongtaek, Daerah Gyeonggi, Korea Selatan
Jumlah pekerja: 124 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Kami menyertai aktiviti pembersihan alam sekitar yang dilaksanakan secara bebas oleh syarikat serantau, dan setiap bulan kami mengadakan aktiviti pembersihan. Aktiviti ini bukan sekadar menyumbang kepada pemeliharaan persekitaran rantau sekeliling, tetapi juga menyumbang kepada pengukuhan "ikatan" dengan masyarakat setempat. Ia juga menyumbang kepada peningkatan kesedaran tentang pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan pekerja dan penduduk setempat.



Pekerja yang menyertai aktiviti pembersihan alam sekitar



Myung-Jin Choi
Bahagian Keselamatan
Alam Sekitar

PT. LIITEC INDONESIA

Lokasi: Bogor, Indonesia
Jumlah pekerja: 118 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada bulan Mac 2018, sebelum mengadakan latihan membina semangat sepasukan dengan menyasarkan kepada semua pekerja, sebagai aktiviti sumbangan setempat, kami telah mengagihkan peralatan sekolah kepada 20 anak yatim. Melalui aktiviti dan latihan, selain daripada mendalami kesedaran tentang kepentingan hubungan kepercayaan dan tenaga sepasukan, kami juga mempelajari tentang kepentingan bertumbuh bersama-sama penduduk di sekeliling.



Keadaan pemberian peralatan sekolah



Sarni Pujiyanto
Bahagian Hal Ehwal
Am dan Sumber
Manusia

PT. LIITEC JAKARTA

Lokasi: Jakarta, Indonesia
Jumlah pekerja: 19 pekerja
Bisnes utama: Jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Mulai dari bulan September 2017, kami telah menyediakan kotak kitar semula bateri yang telah digunakan dalam syarikat. Kami bercadang menghantarkan bateri yang dikitar semula kepada pihak pembuatan atau pusat pengurusan barang beracun dan berbahaya. Pada masa akan datang kami akan terus menggalakkan aktiviti pemeliharaan alam sekitar.



Kotak kitar semula bateri yang telah digunakan



Sitha Damayanti
Bahagian Hal Ehwal Am
dan Sumber Manusia

LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Lokasi: Pulau Pinang, Malaysia
Jumlah pekerja: 99 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada bulan November 2017, negeri Pulau Pinang, Malaysia dilanda hujan lebat yang memecahkan rekod, berkesudahan dengan berlakunya bencana banjir besar. Syarikat ini memutuskan untuk menghantar pakaian lama kepada mangsa bencana, dan dalam tempoh dua hari, semua pekerja telah mengumpulkan 500 helai pakaian lama yang dihantarkan ke lokasi bencana.



Pakaian lama yang dikumpulkan dari para pekerja



Siti Sarah
Bahagian Hal Ehwal Am dan Sumber Manusia

LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

Lokasi: Sarawak, Malaysia
Jumlah pekerja: 25 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada Oktober 2017, semua pekerja syarikat kami telah menyertai aktiviti perlindungan bunga yang terbesar di dunia, "raffesia". Tempat perlaksanaannya di kawasan perlindungan adalah kira-kira 2 jam perjalanan dari syarikat kami menggunakan kereta. Kami telah mendapat penerangan aktiviti perlindungan dari renjer pejabat perlindungan, dan menjalankan aktiviti pembersihan.



Berkumpul di hadapan pejabat perlindungan



Michael Benzi Junior
Bahagian Hal Ehwal Pekerja

LINTEC SINGAPORE PRIVATE LIMITED

Lokasi: Singapura
Jumlah pekerja: 86 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran juga produk elektronik dan fiber optik

Pada bulan September 2017, kami telah melawat ke St. John's Home yang menjadi pusat penjagaan warga tua, dan menjalankan aktiviti menanam pokok. Pada masa akan datang kami akan meneruskan aktiviti pemeliharaan alam sekitar bersama-sama dengan para pekerja.



Keadaan aktiviti penanaman pokok

LINTEC (THAILAND) CO., LTD.

Lokasi: Daerah Chachoengsao, Thailand
Jumlah pekerja: 166 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada bulan Mac 2018, sebagai sebahagian dari aktiviti sumbangan setempat, kami telah menjalankan pembersihan tokong, pembuatan rak kasut menggunakan palet yang diperbuat dari kayu, pembaikan alat permainan kanak-kanak, serta pembersihan lantai sekolah dan tandas. Pada masa akan datang, kami akan terus menyokong pembangunan setempat.



Peserta aktiviti sumbangan setempat



Apakorn Pleasri
Bahagian Pembangunan Perniagaan

LINTEC EUROPE (UK) LIMITED

Lokasi: Buckinghamshire, England
Jumlah pekerja: 18 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada bulan Ogos 2017, kami telah membekalkan uniform bagi kegunaan musim 2017-2018 kepada pasukan bola sepak tempatan bawah umur 13 tahun. Pada bulan Jun 2018, pasukan tersebut telah memasuki pertandingan bola sepak 6 sebelah dengan mengenakan uniform tersebut, dan memenangnya dengan cemerlang. Pada masa akan datang, kami akan terus menyumbang kepada masyarakat setempat.



Pasukan bola sepak tempatan yang menjulang trofi kemenangan sambil memakai uniform



Alistair Coombs
Pengurus Am

NANO-SCIENCE & TECHNOLOGY CENTER LINTEC OF AMERICA, INC.

Lokasi: Texas, Amerika Syarikat
Jumlah pekerja: 33 pekerja
Bisnes utama: Kajian/Pembangunan

North Texas Food Bank ialah sebuah badan sukarelawan yang membekalkan secara percuma makanan kepada orang yang mengalami kesusahan hidup di bahagian utara negeri Texas. Kami telah menyertai aktiviti ini, dan telah menjalankan kegiatan membalut 16,000 kotak makanan dan minuman yang berkhasiat tinggi. Pada masa akan datang, kami ingin meneruskan penyertaan kami.



Kegiatan membalut kotak oleh para pekerja



Jeffrey Sameshima
Perhubungan Pelanggan

MADICO, INC.

Lokasi: Florida, Amerika Syarikat
Jumlah pekerja: 179 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Bagi menyumbang kepada penggalakan biodiversiti, kami menjalankan banyak jenis aktiviti. Pada tahun 2017, dengan kerjasama dengan badan bukan keuntungan, kami telah menjalankan usaha penjagaan alam sekitar habitat hidupan laut di kawasan teluk Tampa. Juga, kami turut melakukan pembersihan pantai dengan staf sukarelawan komuniti, dan mengumpulkan sejumlah kira-kira 200kg sampah.



Sampah yang dikumpulkan waktu pembersihan pantai



Sharon Bolling
Jawatankuasa CSR

VDI, LLC

Lokasi: Kentucky, Amerika Syarikat
Jumlah pekerja: 34 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada Mac 2018, kami telah menubuhkan Jawatankuasa CSR buat julung kalinya di syarikat kami. Dengan adanya Jawatankuasa CSR ini, kami ingin meliputi kesemua kegiatan CSR secara am seperti keselamatan alam sekitar, biodiversiti, aktiviti sumbangan kemasyarakatan, dan persekitaran kerja, serta berusaha membina asas bagi memacu usaha berkelas dunia.



Ahli Jawatankuasa CSR



Toni Doughty
Jawatankuasa CSR

MACTAC AMERICAS, LLC

Lokasi: Ohio, Amerika Syarikat
Jumlah pekerja: 476 pekerja
Bisnes utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Kami telah menyokong Bulldog Bag yang berusaha menyelesaikan masalah makanan kanak-kanak setempat. Kami telah membekalkan barang makanan yang sesuai dengan khasiat untuk sarapan pagi dan makan tengah hari kepada kanak-kanak di sekolah rendah di kawasan tempat syarikat kami. Juga, 15 orang pekerja kami telah menjalankan pembalutan barang makanan, dan membantu aktiviti badan yang sama.



Pekerja yang menjalankan aktiviti sukarelawan



Ahli Jawatankuasa CSR

Pendapat Pihak Ketiga

Saya menulis pendapat pihak ketiga sebagai kesinambungan dari tahun lepas. Moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” direalisasikan dalam kegiatan CSR, dan kewujudan tanggungjawab kemasyarakatan sambil berpegang kepada etika yang tinggi semakin kukuh berkembang.

Mula-mula, berkenaan dengan penubuhan Jawatankuasa SDGs (Sasaran Pembangunan Boleh Mampan). Salah satu daripada tema penting yang tertera dalam Pelan Penggal Pertengahan “LIP (LINTEC INNOVATION PLAN)-2019” iaitu “usaha ke arah merealisasikan masyarakat boleh mampan” membawa niat untuk mematerialisasikan moto syarikat. Jawatankuasa SDGs ini adalah, sebuah organisasi yang lahir dari pegawai bertugas yang direkomendasikan oleh eksekutif, dan terdiri dari sejumlah 26 orang ahli yang dipilih dan dihipunkan dari pelbagai latar belakang yang merentasi bahagian seperti penyelidikan, pembuatan dan pengurusan. Jawatankuasa ini bukan sekadar merupakan organisasi formal yang hanya mengaitkan SDGs dengan aktiviti dan produk. Ia juga merupakan tempat di mana perbincangan yang bebas dan jujur tentang bagaimanakah caranya untuk mengambil SDGs sebagai peluang yang baru dan mencipta inovasi yang baru dijalankan. Dengan membuat organisasi sebegini, sambil menjadikan isu masyarakat sedunia sebagai bekal untuk pertumbuhan berterusan, kami menilai bahawa ia akan menjadi sesuatu yang menunjukkan dengan baik, perasaan bertanggungjawab LINTEC yang ingin menyelesaikan isu tersebut sebagai sebuah syarikat global.

Seterusnya, dalam perkara yang ditunjukkan oleh pendapat pihak ketiga pada tahun lepas, terdapat seruan bahawa adalah baik untuk lebih memberi perhatian tentang “pendedahan berkenaan pelaksanaan berkaitan pencegahan pencemaran”, tetapi berkenaan dengan perkara tersebut, persiapan infrastruktur bagi mencegah pencemaran yang seiring dengan Undang-Undang Pemeliharaan Persekitaran Udara yang digubal di Korea Selatan, dan memberi tindak balas terhadapnya ada dinyatakan sebagai Suara Pekerja (VOICE). Saya berfikir bahawa tindak balas yang cepat dan serius inilah yang merupakan perealisasi moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti”.

Dengan bertujuan untuk menunjukkan dengan lebih lagi bahawa LINTEC yang mempunyai nisbah 6:4 peratusan

pekerja syarikat Jepun dan luar negara adalah merupakan syarikat dunia yang ikhlas, saya mempunyai beberapa cadangan. Pertama, kita boleh memperhalusi lagi berkenaan dengan materialiti dan indeks penilaiannya. Misalnya, dalam “peningkatan kepuasan pekerja”, terdapat usaha “pembinaan persekitaran tempat kerja di mana pekerja boleh bekerja dengan lebih bersemangat.” Sebagai indeks penilaian yang utama, terdapat “Peratusan berhenti kerja dalam tempoh 3 tahun bagi pekerja baru tamat pengajian.” Adakah peratusan berhenti kerja dalam tempoh 3 tahun pada pekerja baru tamat pengajian menunjukkan makna kepuasan semua para pekerja? Ini memerlukan penjelasan yang lebih lanjut. Dalam perkara yang lain juga, misalnya indeks penilaian utama “sumbangan kepada penggunaan yang lestari” menunjukkan “Jumlah penyertaan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa”. Bagaimanakah jumlah penyertaan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa boleh menyumbang kepada penggunaan yang lestari, berkenaan perkara ini, adalah lebih baik sekiranya ada penjelasan tentang keberkaitannya.

Juga, berkenaan dengan materialiti (Isu Penting) yang mula beroperasi sepenuhnya dari tahun 2016 juga, pada situasi di mana berlakunya perubahan pada persekitaran bisnes, adalah perlu untuk melihatnya kembali secara fleksibel. Sebagai contoh, masalah mikroplastik yang menjadi tumpuan di seluruh dunia secara tiba-tiba sejak kebelakangan ini. Pada Persidangan G7 yang dianjurkan pada Jun 2018, walaupun telah dilaporkan bahawa Jepun telah bersama-sama dengan Amerika tidak menandatangani Piagam Plastik, masalah ini merupakan satu masalah yang sangat besar dalam isu alam sekitar seluruh dunia. Apa yang kita boleh lakukan tentang masalah ini sebagai LINTEC ialah, misalnya, jika kita meletakkan arah seperti meningkatkan peratusan produk yang boleh terbiodegradasikan dan boleh dikitar semula, sila fikirkan juga untuk menjajukannya kepada umum.



Puan Makiko Akabane
Wakil Jepun CSR Asia

Respons kepada Pendapat Pihak Ketiga

Kami mengucapkan banyak terima kasih atas pendapat pihak ketiga yang diterima dari Puan Akabane sebagai sambungan edisi tahun 2017, dan penilaian yang sangat besar tentang penubuhan Jawatankuasa SDGs yang merupakan usaha untuk merealisasikan moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” serta menghadapi tema penting LIP-2019. Supaya ia tidak menjadi aktiviti yang terhad kepada ahli yang menyertai jawatankuasa sahaja, kami merancang menerapkannya ke seluruh dalaman syarikat, dan dengan mencapai hasilnya sebagai aktiviti seluruh kumpulan syarikat ini, kami ingin meneruskannya supaya semua para pekerja dapat merasai sendiri hasilnya.

Berkenaan dengan materialiti, kami sedang berusaha untuk menunjukkan sebab pemilihan indeks penilaian yang utama secara jelas, dan menerangkannya kepada pemegang

kepentingan. Juga, sambil mengambil kira perubahan masyarakat dan hasil kegiatan jawatankuasa SDGs, kami juga berazam berusaha menyemaknya semula secara fleksibel.

Pada masa akan datang, syarikat kami akan menerima secara serius pendapat yang diterima, dan berusaha bergiat dengan merasakan semangat perpaduan ke arah penyelesaian isu masyarakat melalui kerja kami. Kami menyasarkan untuk berkongsi dengan semua pekerja tentang moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” yang menjadi asas kumpulan syarikat kami, dan menjadi syarikat yang menyumbang kepada realisasi masyarakat yang boleh mampan.

Hiroyuki Nishio

Pengarah Wakil, Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi

Nota Editor

Laporan CSR ini telah disiapkan dengan sokongan daripada ahli yang merentasi seluruh organisasi. Terdapat aktiviti yang hanya diperkenalkan di laman CSR, dan kami akan merasa gembira jika anda boleh melihatnya bersama dengan laporan ini.

Dalam rencana ini, kami telah memuatkan perkumpulan belajar CSR yang dilaksanakan di setiap syarikat Kumpulan LINTEC dan aktiviti Jawatankuasa

SDGs. Aktiviti-aktiviti berkenaan adalah berasaskan kepada moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti”, serta “LINTEC WAY” yang memangkin moto syarikat. Bagi mencapai pertumbuhan boleh mampan bersama-sama dengan masyarakat, kumpulan syarikat kami menyasarkan supaya setiap pekerja dapat berfikir dan bergerak dengan sendiri, serta bergiat dengan merasakan semangat perpaduan.



“Laporan CSR Kumpulan LINTEC 2018” Ahli-ahli projek pengeluaran